

Sarawak negeri terbaik **tangani banjir**

Pendekatan jangka panjang dilaksana kerajaan negeri wajar dicontohi negeri-negeri lain

KUCHING - Pendekatan jangka panjang diguna pakai Kerajaan Negeri Sarawak dalam menangani masalah banjir adalah yang terbaik dalam negara dan wajar dicontohi negeri lain, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Sebagai contoh, katanya, pembinaan empangan serta bendungan rendah yang dapat mengawal paras air di sungai dan disesuaikan dengan keperluan semasa, di samping berkesan gerakan bersepadu oleh pelbagai agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Banjir Negeri (JPBN) yang diterajui Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu.

Menurutnya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim akan mengemukakan pengalamannya di Sarawak itu dalam kertas memorandum untuk dibincang jemaah menteri.

Beliau berkata, per-



Ahmad Zahid bertanya sesuatu kepada Penguasa, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (SRB), William Jinep (tiga, kiri) semasa melawat pusat Barrage dan Shiplock. - Foto: BERNAMA

bincangan akan turut menyentuh saranan mengenai kerjasama kerajaan negeri yang sering dilanda banjir seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan, dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), bagi membina bendungan rendah sebagai usaha jangka panjang bagi mengatasi banjir.

"Insya-ALLAH kita akan kemukakan supaya nanti peruntukan khas dapat diberikan walaupun secara berperingkat," katanya dalam persidangan media selepas mendengar taklimat mengenai banjir di Sarawak di Bilik Gerakan Negeri.

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem, Jabu, Shahidan, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, beberapa menteri Kabinet negeri serta ketua agensi dan jabatan berkaitan banjir di Sarawak.

Zahid turut memuji gerak kerja Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komuniti (CERT) di bawah kelolaan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) di Sarawak yang akan digunakan sebagai 'pencontoh nasional' dalam kesiapsiagaan menghadapi bencana.

Bagi mengiktiraf keberkesanan JPN Sarawak, Ahmad Zahid mengumumkan keputusan menganugerahkan 'Gold Star Award' kepada jawatankuasa itu, yang akan disampaikan beliau sendiri kepada kerajaan negeri tidak lama lagi.

Sementara itu merujuk kepada bantuan tunai kepada mangsa banjir, Timbalan Perdana Menteri berkata, berdasarkan pencontoh Kemaman, sebahagian daripada bantuan tunai kepada mangsa akan digunakan untuk membeli insurans bagi membolehkan mangsa mendapat manfaat lebih besar jika

mereka sekali lagi berhadapan bencana banjir.

Beliau turut mengumumkan kelulusan peruntukan RM1.1 juta khusus bagi melaksanakan projek pembinaan tembok penghadang tanah runtuh di Rh Jonathan Philip di Bintulu, di samping pembelian bot berharga RM650,000 untuk digunakan dalam melaksanakan operasi pengurusan bencana banjir.

Menjawab satu soalan, Ahmad Zahid berkata, berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia, sekiranya berlaku gelombang kedua dan ketiga banjir di Sarawak, ia dijangka tidak akan membawa risiko tinggi kepada negeri.

Katanya, di Sarawak ketika ini terdapat 15,000 pegawai dan anggota khusus untuk membantu dalam melaksanakan operasi bantuan sekiranya berlaku banjir dan jumlah itu tidak termasuk sukarelawan atau NGO. - Bernama